

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

Umrah: PM diberi penghormatan

JEDDAH, Sabtu — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, yang ke sini untuk menyertai mesyuarat jawatankuasa damai Persidangan Pertubuhan Islam (IOC) mengenai peperangan Iraq-Iran mengerjakan umrah, malam tadi.

Perdana Menteri diberi kehormatan masuk ke Kaabah.

Beliau disertai oleh Menteri Luar, Tan Sri Ghazali Shafie dan Ketua Setiausaha Wisma Putra, Tan Sri Zakaria Ali.

Datuk Seri Dr.

Oleh AHMAT WAHAB

Mahathir berlepas ke bandar suci Mekah semalam, setelah kira-kira empat jam bermesyuarat di Istana Alhamra.

Mesyuarat tertutup jawatankuasa lapan negara itu, dipengerusikan oleh Presiden Quinea, Ahmet Sekoutoure.

Inilah kali pertama Datuk Seri Dr. Mahathir menyertai persidangan antarabangsa terbesar, sejak menjadi Perdana Menteri lapan bulan lalu.

Penyertaan beliau itu meninggikan statusnya sebagai pemimpin Islam

yang boleh diterima.

Dilaporkan, dalam mesyuarat semalam, Datuk Seri Dr. Mahathir menggesa jawatankuasa itu lebih bergiat menyelesaikan konflik yang telah 17 bulan berpanjangan.

Perdana Menteri menekankan perlunya jawatankuasa itu meneruskan usaha mencari penyelesaian yang dihormati dan berkekalan.

Beliau juga memberitahu tentang perlunya jawatankuasa itu mengetahui pandangan

kerajaan Iran, terutama setelah pimpinan negara itu bertukar tangan sekarang. Adalah perlu mengadakan hubungan dengan pimpinan baru itu, katanya.

Jawatankuasa itu bermesyuarat lagi pagi ini. Mesyuarat akan ditangguhkan sebelum petang, membolehkan peserta pergi ke ibu negara, Riyadh, untuk mengadap Al-Malek Khaled.

Selain Malaysia, jawatankuasa itu mengandungi wakil-wakil Pakistan, Bangladesh, Pertubuhan Pembebasan Palestin, Turki, Senegal, Gambia dan Arab Saudi.